

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA]

TARIKH : 28 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-

- (a) bilangan sarung tangan, *gown*, *face shield*, *goggles*, pelitup mulut (*face mask*) dan peralatan PPE lain yang dibeli Kementerian untuk menangani wabak COVID-19 (dinyatakan secara berasingan); dan
- (b) berapa jumlah yang telah dibelanjakan untuk setiap peralatan tersebut (dinyatakan secara berasingan).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah diperuntukkan **bajet khas sebanyak RM1.005 bilion** yang **diterima secara berperingkat** daripada Kementerian Kewangan dalam usaha mengekang serta mengurangkan penularan wabak COVID-19. Kementerian Kesihatan telah membelanjakan sebanyak **RM650 juta** melibatkan perbelanjaan seperti berikut:

- 1.1 perolehan aset (perubatan dan bukan perubatan);
- 1.2 ubat-ubatan;
- 1.3 reagen, *test kit* dan konsumabel;
- 1.4 *Personal Protective Equipment* (PPE);

- 1.5 perkhidmatan doktor swasta;
- 1.6 perkhidmatan penyumberluaran (*outsourcing*) ujian pengesanan COVID-19 dengan makmal swasta;
- 1.7 pelantikan kakitangan kontrak; dan
- 1.8 bayaran elaun COVID-19.

Personal Protective Equipment (PPE)

2. Kementerian Kesihatan telah melaksanakan **perolehan sebanyak 186.5 juta unit PPE** untuk kegunaan petugas barisan hadapan Kementerian Kesihatan (*Frontliners*) **dengan nilai RM299.4 juta**. Kaedah perolehan yang digunakan adalah **secara perolehan darurat** dan **menggunakan kontrak sedia ada** Kementerian Kesihatan termasuklah konsesi *Approved Product Purchased List* (APPL) bagi memastikan **bekalan diperolehi segera** serta **menyimpan stockpile yang mencukupi untuk sekurang-kurangnya tempoh tiga (3) bulan**.

3. Sehingga 17 Julai 2020, daripada RM299.4 juta, Kementerian Kesihatan telah membelanjakan sebanyak RM252.7 juta dan akan sentiasa memastikan peruntukan yang mencukupi dalam memastikan wabak COVID-19 dapat diuruskan dengan baik dan terkawal.

4. Selain itu juga, Kementerian Kesihatan **turut menerima sumbangan PPE** daripada pelbagai Negara, Agensi-Agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan individu yang **berjumlah 14.8 juta unit**.

Sekian, terima kasih.